

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan **Kereta Persendirian Pihak Ketiga** anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu Kereta Persendirian Pihak Ketiga?

Polisi ini memberikan perlindungan terhadap tuntutan dari pihak lain untuk kematian atau kecederaan badan, kerosakan kepada harta pihak lain.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Contoh ilustrasi, untuk RM141.88 setahun, anda akan menerima perlindungan berikut:

Amaun yang Diinsuranskan	000.00
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (DTT)	55%

Polisi anda melindungi:

1. Kematian atau kecederaan badan Pihak Ketiga; dan
2. Kerugian atau kerosakan harta benda Pihak Ketiga.

Pengecualian polisi anda:

1. Kemalangan, kerosakan kebakaran atau kecurian kenderaan anda;
2. Kematian anda atau kecederaan badan sendiri akibat kemalangan kenderaan; dan
3. Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang dalam kenderaan anda.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai perlindungan insurans motor anda, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari
<https://etiqa.com.my/muat-turun-dokumen/insurans-am>



Email kepada info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Contoh pengiraan untuk Kereta Persendirian Pihak Ketiga ini, anda perlu membayar premium sebanyak:

Insurans premium asas	RM120.60
Kadar atau Caj Tambahan	125% atau RM150.75
(-) Kelayakan DTT	55% atau RM149.24
Jumlah Premium	RM122.11

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Komisen/Diskaun	10%
Cukai Perkhidmatan	8% atau RM9.77 daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM141.88

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

*** MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU**

A	Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
B	Insurans hanya akan berkuatkuasa sebaik sahaja anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
C	Sekiranya berlaku kemalangan, anda harus maklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh melakukan dengan: - Buat laporan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan; - Makluman boleh dilakukan secara bertulis atau melalui panggilan telefon ke talian Bantuan Tuntutan 1300 88 1007; - Lengkapkan dan hantar borang tuntutan bersama dokumen sokongan yang lain secepat mungkin; dan - Anda boleh menghantar kereta anda ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan seperti berikut: - Bengkel pembaikan motor yang terdapat dalam panel bengkel Kami yang diluluskan; atau - Mana-mana pembaikan lain yang telah Kami berikan kepada Anda kebenaran khas untuk digunakan. *Sila rujuk kontrak polisi untuk butiran lanjut mengenai bengkel Pembaikan yang Diluluskan. *Sila rujuk laman web kami untuk pilihan bengkel pembaikan yang ada. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.
D	Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

- ? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**
- Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada premium dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh insurans.